

29 NOV 2002

PEMUDA UMNO: TIADA TOLAK ANSUR TERHADAP DUA ADUN MCA

KUALA TERENGGANU, 29 Nov (Bernama) -- Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata tiada tolak ansur bagi Barisan Nasional berhubung tindakan dua Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang daripada MCA yang berkecuali terhadap satu usul DAP.

Beliau berkata tindakan dua ADUN itu adalah perkara serius dan mereka seharusnya menghormati pendirian BN dengan mengambil keputusan mengikut persetujuan parti komponen.

"Bagi saya tiada tolak ansur terhadap mereka kerana mereka dipilih di bawah Barisan Nasional, oleh itu mereka harus menghormati keputusan parti," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pemuda Umno hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Lim Boo Chang (BN-Datuk Keramat) dan Tan Cheng Liang (BN-Jawi) yang berkecuali semasa pengundian pada persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang terhadap usul pembangkang itu yang meminta kerajaan menangguhkan projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang pada 21 Nov lepas.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata MCA perlu memecat kedua-dua ADUN yang mengambil tindakan berkecuali itu.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN dilaporkan berkata: "Kita biarkan MCA untuk membuat keputusan dan apa yang boleh mereka putuskan ialah menggugurkan kedua-dua ADUN berkenaan."

-- BERNAMA

MRA NMO